

STANDARD MUSHARAKAH MUTANAQISAH ACCOUNTING AND AUDITING ORGANISATION FOR ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS (AAOIFI): SATU TINJAUAN AWAL

(MUSHARAKAH MUTANAQISAH STANDARD BY ACCOUNTING AND AUDITING ORGANISATION FOR ISLAMIC FINANCIAL INSTITUTIONS (AAOIFI): A PREMINARY STUDY)

Mohd Hashim Bin Yunus¹
Zamzuri Bin Zakaria²

Abstract

Mushārahah Mutanāqisah (Diminishing Partnership-MM) is a set of invariable rules and become as a basic of implementation for Islamic products that based on the Mushārahah Mutanāqisah (Diminishing Partnership). There are two standards of MM that provide by Shariah Advisory Council of Bank Negara (SAC) and Accounting and Auditing Organization for Islamic Institutions (AAOIFI) standard. This article shows that Mushārahah Mutanāqisah (Diminishing Partnership) issued by AAOIFI with critical comment on ownership part, leasing, share reducing process and related issue on Musharakah. The methodology of collecting data is content analysis. The result shows that standard AAOIFI has items such as contract concept, promise (wa'd), recovery method, disposal method, liability cost in partnership, the need for capital contributions, profit sharing ratio, equity ownership, leasing a part of partnership. AAOIFI standard has 9 item where the impact of breaching item not in the AAOIFI standard.

Keywords: Shariah Standard; Musharakah Mutanaqisah; AAOIFI Standard

Abstrak

Standard Musharakah Mutanaqisah (MM) merupakan satu peraturan yang ditetapkan dan menjadi asas pelaksanaan produk yang berasaskan Musharakah Mutanaqisah. Terdapat dua standard MM iaitu standard Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dan Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Intitutions (AAOIFI). Artikel ini meneliti standard Musharakah Mutanaqisah yang dikeluarkan oleh AAOIFI dari aspek pemilikan, sewaan, pemindahan hakmilik perkongsian dan isu lain berkaitan Musharakah. Metodologi pengumpulan data adalah secara analisis kandungan. Hasil penelitian mendapati standard AAOIFI yang merupakan asas kepada standard BNM mempunyai 9 item penting merangkumi aspek yang disebutkan di atas. Standard oleh AAOIFI didapati tiada perbincangan dari aspek keingkaran dalam kontrak Musharakah Mutanaqisah.

Kata kunci : Standard Syariah; Musharakah Mutanaqisah; Standard AAOIFI

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Emel: mohdhashimyunus@yahoo.com

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Pengenalan

Standard adalah sesuatu yang ditetapkan nilainya, diterima dan dijadikan dasar untuk mengukur dan menilai sesuatu yang lain. (kamus Dewan 2007) Standard musharakah mutanaqisah ialah satu peraturan yang ditetapkan dan menjadi asas pelaksanaan produk musharakah musharakah mutanaqisah yang mesti dipatuhi oleh mana-mana institut kewangan. Ia bertujuan untuk menyeragamkan mana-mana institusi yang melaksanakan *musharakah mutanaqisah*. (Noraziah Che Arshad 2010) Standard AOOIFI mendapat persetujuan dalam mesyuarat yang telah berlansung di Madina al-munawwarah pada 11-16 May 2002. Dokumen ini juga yang diperakui oleh satu badan AOOIFI yang mengandungi objektif piawaian untuk menjelaskan dasar dan peraturan am bagi Sharikat al-aqd, yang dikenali sekarang sebagai musyarakah, termasuk peraturan untuk perkongsian bersama, perkongsian reputasi, perkongsian panggilan, perkongsian berkurangan dan syarikat-syarikat moden. (AAOIFI 2010) Penjelasan dari perkongsian ini meliputi definisi, peraturan yang berlaku bagi setiap perkongsian dan batasan syariah yang harus diambil kira oleh institusi kewangan Islam, peraturan perkongsian syarat perkongsian peraturan, jual beli dan lain-lain. Satu dokumen yang boleh dinilai dalam pelaksanaan sesuatu produk untuk mengukur sesuatu produk dan menyelaraskan pelaksanaan *musharakah mutanaqisah* yang mengikut standard yang ditetapkannya. (Temubual Amirol Abdullah 2011)

Industri perbankan dan kewangan Islam di Malaysia pada hari ini dipandu oleh Bank Negara Malaysia (BNM) melalui akta baharu yang diperkenalkan iaitu *Islamic Financial Service Act 2013* (web BNM, 2015). Akta tersebut seterusnya menekankan ke arah pematuhan standard syariah oleh bank-bank yang menawarkan produk secara Islam. Melalui penulisan ini, penulis akan menghuraikan perbandingan dua standard *Musharakah Mutanaqisah* (MM) iaitu standard yang dikeluarkan oleh BNM dan AAOIFI. Standard yang dikeluarkan oleh BNM ada dua bentuk iaitu dalam bentuk kertas konsep dan draf. (BNM concept paper, 2013 dan Resolusi Syariah dlm kewangan Islam BNM 2010) Jelasnya kertas konsep ini dikeluarkan untuk mendapatkan maklumbalas daripada industri dimana isi kandungannya bergantung kepada maklumbalas daripada industri itu semasa peringkat awal. Manakala standard yang dikeluarkan oleh AAOIFI pula adalah satu piawaian yang diperoleh dalam mesyuarat dan seterusnya didokumenkan dalam bentuk buku dan sebagainya. (Temubual Shukor Abdullah, 2011) dan (Temubual Asyraf Wajdi Dusuki, 2009)

Standard *Musharakah Mutanaqisah* di AAOIFI

Ahli Jawatankuasa Syariah AAOIFI telah mengeluarkan piawaian syariah no.12 perihal Sharika (*Musharakah*) and Modern Operations pada mesyuarat ke-8 yang diadakan di Madinah al-Munawwarah pada 28 Safar 4 Rabiul Awal 1423H bersamaan 11-16 Mei 2002. Lebih tepatnya standard syariah ini dikeluarkan atau diterbitkan pada 4 Rabiul Awal 1423H bersamaan 16 Mei 2002. (AAOIFI 2010) Antara piawaian syariah tersebut ialah:

- i. *Musharakah Mutanaqisah* merupakan satu bentuk perkongsian antara dua rakan kongsi dan salah satu pihak berjanji untuk membeli bahagian ekuiti rakan kongsinya yang lain secara beransur-ansur sehinggalah milik ekuiti ini dipindahkan sepenuhnya. Transaksi ini bermula dengan terbentuknya satu perkongsian yang kemudiannya pembelian dan penjualan ekuiti akan berlaku antara dua rakan kongsi. Walau bagaimanapun, kontrak pembelian dan penjualan ini tidak boleh dimasukkan dalam

kontrak perkongsian. Dengan lain perkataan, rakan yang ingin membeli dibenarkan berjanji untuk membeli sahaja. Perjanjian ini hendaklah berasingan daripada kontrak perkongsian. Adalah tidak dibenarkan suatu kontrak berlaku sebagai syarat untuk kontrak yang lain.

- ii. Peraturan-peraturan umum untuk perkongsian mesti digunakan kepada perkongsian berkurangan, terutamanya peraturan-peraturan *sharikah al- inan*. Oleh itu tidak dibenarkan kontrak *Musharakah* dimasukkan dalam klausa yang memberikan mana-mana pihak hak untuk menarik balik bahagiannya dalam modal.
- iii. Tidak dibenarkan untuk menentukan bahawa satu rakan kongsi mesti menanggung keseluruhan kos insurans atau penyelenggaraan atas sebab ia akhirnya akan memiliki harta perkongsian itu.
- iv. Setiap rakan kongsi mesti menyumbang bahagian daripada modal. Sumbangan boleh diberi dalam bentuk tunai dan boleh dinilai dengan wang contohnya, tanah untuk bangunan, atau peralatan untuk operasi perkongsian. Kerugian jika ada mestilah ditanggung dari semasa ke semasa oleh kedua pihak selaras nisbah perkongsian pada ketika itu.
- v. Nisbah keuntungan atau pendapatan perkongsian setiap rakan kongsi yang berhak hendaklah ditentukan dengan jelas. Walau bagaimanapun, adalah dibenarkan untuk rakan kongsi bersetuju pada nisbah perkongsian keuntungan yang tidak seimbang dengan nisbah pemilikan ekuiti. Begitu juga dibenarkan untuk rakan-rakan sama ada ingin mengekalkan nisbah keuntungan yang telah ditentukan walaupun nisbah saham ekuiti telah berubah, atau untuk bersetuju meminda perkongsian nisbah disebabkan perubahan dalam nisbah saham ekuiti. Pelaksanaan harus memastikan bahawa prinsip peruntukan kerugian mengikut nisbah saham ekuiti pemilikan dikekalkan.
- vi. Adalah tidak dibenarkan untuk menetapkan bahawa satu rakan kongsi berhak untuk menerima sekali gus keuntungan.
- vii. Adalah dibenarkan kepada satu rakan kongsi mengikat janji yang mana rakan kongsi yang lain berhak untuk memperoleh bahagian ekuitinya secara beransur-ansur mengikut nilai pasaran atau harga yang dipersetujui semasa pemilikan. Tidak dibenarkan untuk menetapkan bahagian ekuiti yang diperoleh mengikut harga asal atau nilai muka kerana ia menjamin nilai bahagian ekuiti satu rakan kongsi (institusi) oleh rakan kongsi yang lain yang mana ia adalah dilarang oleh syarak.
- viii. Rakan kongsi boleh mengatur cara untuk memperoleh saham ekuiti institusi berkenaan yang dapat memenuhi kehendak kedua-dua pihak. Ini termasuklah seperti perjanjian oleh pelanggan institusi untuk memperuntukkan sebahagian daripada keuntungan ataupun pulangan yang diperolehnya daripada perkongsian untuk memiliki peratusan saham institusi. Perkongsian ini boleh dibahagikan kepada saham dan rakan institusi boleh membeli beberapa saham pada tempoh tertentu sehinggalah rakan kongsi ini menjadi pemilik kepada keseluruhan saham dan seterusnya menjadi pemilik sepenuhnya kepada perkongsian ini.
- ix. Adalah dibenarkan mana-mana rakan kongsi itu untuk menyewa atau memajak bahagian rakan kongsi yang lain untuk nilai jumlah dan tempoh tertentu yang mana

setiap rakan kongsi adalah bertanggungjawab dari semasa ke semasa untuk menyenggarakan bahagiannya berdasarkan perkiraan masa.

- x. Penamatan pengusaha syarikat pada akhir tempoh atau sebelum sekiranya rakan-rakan kongsi bersetuju untuk menamatkannya sebelum tempoh, atau dalam kes perkongsian dalam sesuatu perniagaan, melalui pembubaran (likuadasi) aset yang menjadi sebahagian daripada keutamaan dalam perkongsian tersebut. Penamatan syarikat boleh berlaku atas pembubaran (likuadasi) membina. Dalam kes ini, syarikat adalah dikira berakhir, dan semua yang terlibat dikira membuat perkongsian yang baru dan aset yang tidak dijual melalui pembubaran tetapi masih ada nilai, dikirakan sebagai modal perkongsian yang baru, sekiranya pembubaran (likuadasi) berdasarkan tamat tempoh perkongsian, maka aset-aset yang ada akan dipergunakan seperti berikut:
- a. Bayaran kos pembubaran (likuadasi)
 - b. Bayaran hutang kewangan daripada aset bersih (*net asset*) perkongsian
 - c. Pembahagian baki aset diantara rakan kongsi menurut pecahan modal yang dibuat. Sekiranya aset itu kurang dan rakan kongsi tidak dapat perolehi kembali modal yang dilabur, pembahagian akan dilakukan secara mengikut kadar pro-rata perkongsian modal.

Ulasan Standard AAOIFI

Penelitian pertama dari aspek konsep akad mendapati peraturan-peraturan umum untuk perkongsian mesti digunakan kepada perkongsian berkurangan, terutamanya peraturan-peraturan *sharikah al-inan*. Oleh itu, tidak dibenarkan kontrak *Musharakah Mutanaqisah* dimasukkan dalam klausa yang memberikan mana-mana pihak hak untuk menarik balik bahagiannya dalam modal.

Analisis konsep waad pula mendapati perjanjian jualbeli ekuiti antara dua rakan kongsi. Tetapi *wa'd* ini tidak dimasukkan didalam kontrak perkongsian. Ia dibuat berasingan. Perjanjian tersebut tidak dibenarkan dijadikan sebagai syarat kontrak perkongsian. Perjanjian ini hendaklah berasingan daripada kontrak perkongsian dan tidak dibenarkan suatu kontrak berlaku sebagai syarat yang lain.

Seterusnya penelitian mendapati adalah dibenarkan kepada satu rakan kongsi mengikat janji yang mana rakan kongsi yang lain berhak untuk memperoleh bahagian ekuitinya secara beransur-ansur mengikut nilai pasaran atau harga yang dipersetujui semasa pemilikan. Bagaimanapun, adalah tidak dibenarkan untuk menetapkan bahagian ekuiti yang diperoleh mengikut harga asal atau nilai muka kerana ia menjamin nilai bahagian ekuiti satu rakan kongsi (institusi) oleh rakan kongsi yang lain yang mana ia adalah dilarang oleh syarak. Rakan kongsi boleh mengatur cara untuk memperoleh saham ekuiti institusi berkenaan yang dapat memenuhi kehendak kedua-dua pihak. Ini termasuklah seperti perjanjian oleh pelanggan institusi untuk memperuntukkan sebahagian daripada keuntungan ataupun pulangan yang mana ia boleh memperolehnya daripada perkongsian untuk memiliki peratusan saham institusi. Jadi perkongsian ini boleh dibahagikan kepada saham di mana rakan institusi boleh membeli beberapa saham pada tempoh tertentu sehinggalah rakan kongsi ini menjadi pemilik kepada keseluruhan saham dan seterusnya menjadi pemilik sepenuhnya kepada perkongsian ini.

Analisis kaedah pelupusan pula mendapati penamatan pengusaha syarikat pada akhir tempoh atau sebelum sekiranya rakan-rakan kongsi bersetuju untuk menamatkannya sebelum tempoh, atau dalam kes perkongsian dalam sesuatu perniagaan, melalui pembubaran (likuadasi) aset yang menjadi sebahagian daripada keutamaan dalam perkongsian tersebut. Penamatan syarikat boleh berlaku atas pembubaran (likuadasi) membina. Dalam kes ini, syarikat adalah dikira berakhir, dan semua yang terlibat dikira membuat perkongsian yang baru dimana aset yang tidak dijual melalui pembubaran tetapi masih ada nilai, dikirakan sebagai modal perkongsian yang baru, sekiranya pembubaran (likuadasi) berdasarkan tamat tempoh perkongsian, maka aset- aset yang ada akan di pergunakan seperti berikut:

a. Bayaran kos pembubaran (likuadasi)

b. Bayaran hutang kewangan daripada aset bersih (net asset) perkongsian

Pembahagian baki aset diantara rakan kongsi menurut pecahan modal yang dibuat. Sekiranya aset itu kurang dan rakan kongsi tidak dapat perolehi kembali modal yang dilabur, pembahagian akan di lakukan secara mengikut kadar pro-rata perkongsian modal.

Kaedah modal yang dianjurkan AAOIFI pula Setiap rakan kongsi mesti menyumbang bahagian daripada modal. Sumbangan boleh diberi dalam bentuk tunai atau dan boleh dinilai dengan wang contohnya, tanah untuk bangunan, atau peralatan untuk operasi perkongsian. Kerugian, jika ada mestilah ditanggung dari semasa ke semasa oleh kedua pihak selaras nisbah perkongsian pada ketika itu. Berkaitan sewaaan pula Adalah dibenarkan mana-mana rakan kongsi itu untuk menyewa atau memajak bahagian rakan kongsi yang lain untuk nilai jumlah dan tempoh tertentu yang mana setiap rakan kongsi adalah bertanggungjawab dari semasa ke semasa untuk menyelenggarakan bahagiannya berdasarkan perkiraan masa.

Penelitian berkaitan perkongsian untung mendapati Nisbah keuntungan atau pendapatan perkongsian yang setiap rakan kongsi berhak hendaklah ditentukan dengan jelas. Walau bagaimanapun, ia adalah dibenarkan untuk rakan kongsi untuk bersetuju pada nisbah perkongsian keuntungan yang tidak seimbang dengan nisbah pemilikan ekuiti. Ia juga dibenarkan untuk rakan-rakan sama ada untuk mengekalkan nisbah keuntungan yang telah ditentukan walaupun nisbah saham ekuiti telah berubah, atau untuk bersetuju meminda perkongsian nisbah disebabkan perubahan dalam nisbah saham ekuiti. Dalam berbuat demikian, mereka harus memastikan bahawa prinsip peruntukan kerugian mengikut nisbah saham ekuiti pemilikan dikekalkan. Adalah tidak dibenarkan untuk menetapkan bahawa satu rakan kongsi berhak untuk menerima sekali gus keuntungan.

Berkaitan pemilikan ekuiti pula Adalah dibenarkan kepada satu rakan kongsi mengikat janji yang mana rakan kongsi yang lain berhak untuk memperoleh bahagian ekuitinya secara beransur-ansur mengikut nilai pasaran atau harga yang dipersetujui semasa pemilikan. Bagaimanapun, adalah tidak dibenarkan untuk menetapkan bahagian ekuiti yang diperoleh mengikut harga asal atau nilai muka kerana ia menjamin nilai bahagian ekuiti satu rakan kongsi (institusi) oleh rakan kongsi yang lain yang mana ia adalah dilarang oleh syarak. Rakan kongsi boleh mengatur cara untuk memperoleh saham ekuiti institusi berkenaan yang dapat memenuhi kehendak kedua-dua pihak. Ini termasuklah seperti perjanjian oleh pelanggan institusi untuk memperuntukkan sebahagian daripada keuntungan ataupun pulangan yang mana ia boleh memperolehnya daripada perkongsian untuk memiliki peratusan saham institusi. Jadi perkongsian ini boleh dibahagikan kepada saham di mana rakan institusi boleh membeli beberapa saham pada tempoh tertentu sehinggalah rakan

kongsi ini menjadi pemilik kepada keseluruhan saham dan seterusnya menjadi pemilik sepenuhnya kepada perkongsian ini.

Kesimpulan

Musharakah Mutanaqisah merupakan satu kontrak yang unik dan dinamik. Kontrak ini berasaskan beberapa akad, dasarnya ekuiti tetapi digunakan untuk produk pembiayaan Islam. Hasil penelitian peruntukan standard *Musharakah Mutanaqisah* yang dikeluarkan oleh standard AAOIFI mendapati bahawa secara keseluruhannya adalah terdapat 9 item iaitu tiada peruntukan item kesan keingkaran. Berlainan dengan standard Bank Negara Malaysia berkaitan MM, sekiranya dipanjangkan penelitian mendapati BNM dalam menangani isu kemungkiran pelanggan iaitu pembayaran yang tertunggak ke atas pembelian pemilikan, institusi kewangan Islam di Malaysia telah merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Penggunaan konsep *wa'd* sebagai pendekatan yang sesuai untuk menangani isu kemungkiran pembayaran dalam kontrak *Musharakah Mutanaqisah*. Apabila item kesan keingkaran ini terdapat dalam standard, ia menjadi panduan kepada pihak bank untuk bertindak kepada mana-mana pelanggan yang melanggar perjanjian dalam sesuatu pembayaran dan boleh dihadapkan kemuka pengadilan. Sementara standard AAOIFI adalah sedikit berbeza dengan dan lebih berunsurkan global.

Rujukan

- Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). 2010 : 1432 H. Sharia standards for Islamic Financial institutions.
- Ammirol Abdullah. Pengurus Bahagian Produk di Affin Islamic bank Berhad. Kuala Lumpur. Temu bual, 11 Feb 2011.
- Asyraf Wajdi Dusuki. Panel Syariah Affin Islamic Bank Berhad. Temu bual, 14 September 2012.
- Bank Negara Malaysia. 20 Desember 2013. Concept Paper. *Shariah Requirements, Optional Practices and operational Requirements of Musharakah*. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur : Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia, 2015, http://www.bnm.gov.my/documents/act/en_ifsa.pdf
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noraziah Che Arshad. 2010. Sharia Parameters for Musharakah Contract: A comment. *Jurnal of Busines and Soscial Science* vol1 no 1: oktober 2010
- Shukor Abdullah. Pegawai Syariah di Affin Islamic Bank Berhad. Temubual, 12 mei 2011